



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

9 OKTOBER 2022 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

9 OKTOBER 2022 (AHAD)

Pembaharuan komprehensif atasi ketirisan subsidi barang keperluan

Kuala Lumpur: Pembaharuan komprehensif bagi menangani ketirisan subsidi barangan keperluan, termasuk petrol dan diesel, akan dilaksanakan supaya kemudahan itu hanya dimanfaatkan rakyat Malaysia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata langkah pembaharuan itu bertujuan mengelak bahan api bersubsidi terbabit digunakan warga serta kenderaan asing dan diseludup ke luar negara atau disalahgunakan.

"Langkah sama akan turut diambil bagi memastikan minyak masak serta gas asli cecair (LPG) bersubsidi sampai kepada isi rumah miskin dan kuotanya tidak disalahgunakan oleh peniaga," katanya dalam kenyataan, semalam, bagi mengulas Bajet 2023.

Dalam Bajet 2023 bertema 'Keluarga Malaysia, Makmur Bersama', RM55 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Mengulas lanjut, Alexander berkata, RM200 juta diperuntukkan bagi Program Penyeragaman Harga bertujuan menampung kos pengangkutan dan pengedaran barang keperluan asas, agar rakyat di kawasan pedalaman serta pulau dapat menikmati kadar harga sama dengan pengguna di bandar.

Menerusi Bajet 2023, katanya, kerajaan akan berusaha mempromosikan barangan Malaysia dan mempertingkatkan ekonomi pengusaha tempatan menerusi peruntukan RM10 juta kepada KPDNHEP bagi memperhebat Kempen Beli Barangan Malaysia.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan akan terus memperkaskan kempen kepenggunaan, khususnya berhubung hak pengguna dan menyediakan bantuan khas pembiayaan pelantikan peguam kepada pengguna dalam pengendalian kes permohonan semakan kehakiman di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Sementara itu, Kementerian Pengangkutan pula memaklumkan, Bajet 2023 akan meneruskan kesinambungan inisiatif keprihatinan kerajaan demi membantu Keluarga Malaysia menempuh pascapandemik COVID-19, sekali gus memacu sektor pengangkutan untuk kembali bangkit.

Menurut kementerian itu, subsidi RM209 juta bagi perkhidmatan pengangkutan udara luar bandar diteruskan tahun depan untuk manfaat penduduk di Sabah dan Sarawak selaras komitmen kerajaan sejak 2007 menerusi syarikat penerbangan MASwings.

BERNAMA



HARI : **AHAD**

TARIKH : **9/10/2022**

M/SURAT : **16**

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.49
• Daging Lembu Tempatan	RM44.29
• Daging Lembu Import	RM50.90
• Telur Gred A	RM13.35
• Ikan Kembung	RM15.90
• Minyak Masak	RM7.10
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.89
• Bawang Putih	RM4.99
• Cili Merah	RM10.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM3.90
• Tepung Gandum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP